

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Bahasa Arab Komunikasi 6362/2 ini mengandungi 4 soalan dan calon diminta menjawab 3 soalan sahaja dalam masa 2 jam. Markah yang diperuntukkan bagi kertas ini ialah 100 markah.

Soalan 1

Soalan ini wajib dijawab oleh calon dan ia terbahagi kepada 3 bahagian:

- a) 10 soalan kefahaman
- b) 5 soalan perkataan seerti
- c) 5 soalan perkataan berlawanan

Soalan 2

Soalan ini adalah soalan meringkaskan karangan yang wajib dijawab oleh calon.

Soalan 3 dan 4

Soalan ini merupakan soalan pilihan yang berbentuk tatabahasa dan calon diminta menjawab salah satu daripadanya.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, prestasi calon untuk kertas ini adalah di tahap memuaskan sahaja. Hanya sebilangan kecil sahaja calon yang mendapat markah tertinggi. Kualiti jawapan calon masih berada ditahap sederhana kerana majoriti calon gagal menguasai soalan yang berbentuk tatabahasa atau nahu.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak soalan. Jawapan yang diberikan menepati peraturan pemarkahan yang diperuntukkan. Calon juga didapati menguasai soalan yang berbentuk tatabahasa atau nahu dengan baik.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Jawapan calon dalam kumpulan ini adalah memuaskan iaitu hampir menepati peraturan pemarkahan. Namun, calon masih lemah dalam memberikan jawapan yang berbentuk tatabahasa atau nahu.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon tidak memahami kehendak soalan menyebabkan segelintir daripada mereka hanya menyalin semula soalan yang diberi. Terdapat juga calon yang menjawab soalan kurang dari yang diminta. Mereka juga amat lemah dari segi penguasaan tatabahasa atau nahu.

Selain daripada itu, kemungkinan besar calon tidak mendapat pendedahan teknik menjawab soalan yang betul kerana didapati kesalahan yang sama berulang setiap tahun.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1

Calon dapat memberikan jawapan yang lengkap untuk soalan ini manakala sebilangan besarnya memberikan jawapan yang kurang tepat atau bersalahan langsung dengan peraturan pemarkahan.

Kesilapan yang sering ditemui

Calon memberikan jawapan tanpa pendahuluan yang betul. Ada ketikanya isi jawapan calon terlalu panjang dan bercampur dengan jawapan bagi soalan berikutnya. Jawapan untuk sesuatu soalan lebih sesuai untuk soalan yang lain.

Soalan 2

Majoriti calon mendapat markah dari soalan ini kerana mereka dapat meringkaskan petikan yang diberi mengikut arahan soalan. Hanya sebilangan kecil sahaja yang gagal berbuat demikian.

Kesilapan yang sering ditemui

Calon menyalin semula petikan yang diberi tanpa meringkaskannya. Ada juga calon yang membuat beberapa perenggan untuk soalan ini sedangkan ia perlu diringkaskan kepada satu perenggan sahaja. Sebilangan kecil calon menulis nombor untuk meringkaskan isi yang terdapat di dalam petikan yang berkenaan.

Soalan 3

Untuk soalan ini, calon dapat membetulkan perkataan yang salah serta memberikan ungkapan yang sesuai mengikut situasi tertentu. Majoriti calon gagal mencari perkataan yang perlu dibetulkan dan menukar perkataan lain yang tidak sepatutnya. Mereka juga gagal memberikan ungkapan yang sesuai bagi sesuatu situasi.

Kesilapan yang sering ditemui

Calon gagal menentukan perkataan mana yang perlu ditukar menyebabkan mereka menukar hingga sepuluh perkataan yang tidak berkenaan. Mereka juga gagal memberikan ungkapan yang betul dan tepat untuk sesuatu situasi.

Soalan 4

Calon dapat mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai dan dapat menukar ayat yang diberi mengikut arahan yang dikehendaki. Namun, sebilangan besar calon mengisi tempat kosong dengan perkataan yang tidak sesuai dan tidak berkaitan langsung dengan petikan. Mereka juga tidak dapat menukar ayat yang diberi dengan betul.

Kesilapan yang sering ditemui

Calon tidak faham petikan yang diberi kerana kurang perbendaharaan kata Bahasa Arab. Mereka juga gagal menukar ayat seperti yang dikehendaki kerana mereka lemah dari segi kaedah nahu.

SARANAN KEPADA CALON

1. Mengulangkaji semua tajuk yang telah dipelajari dari tingkatan 4.
2. Minta kerjasama guru untuk memberi pendedahan tentang teknik menjawab soalan yang paling tepat.
3. Dapatkan kerjasama guru untuk membuat latihan tubi yang berterusan dan pelbagai untuk semua bentuk soalan.
4. Faham kehendak soalan dengan baik.
5. Jawab soalan mengikut format yang betul.
6. Dapatkan bimbingan guru untuk menjawab soalan SPM tahun sebelumnya.

SARANAN KEPADA GURU

1. Beri pendedahan kepada calon tentang cara yang paling tepat untuk menjawab soalan bagi kertas ini mengikut format yang betul supaya mereka tidak mengulangi kesilapan yang sama setiap tahun.
2. Memberi latihan tubi yang pelbagai dan berterusan untuk semua bentuk soalan.
3. Dedahkan kepada calon contoh soalan yang lepas dan berbincang dengan mereka tentang teknik menjawab yang betul.
4. Pastikan calon tahu dan faham dengan kehendak setiap soalan.